

SATU KAJIAN KES MENGENAI PERMASALAHAN  
PEMBELAJARAN PELAJAR TINGKATAN 5 KURSUS  
KATERING DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK TANAH MERAH:  
KE ARAH PEMBINAAN MODUL AIR REBUSAN,  
SUP, SOS DAN KUAH



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN  
SURINA BINTI NORDIN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN KUIS 1140  
3 0000 00081290 3



# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS♦

JUDUL: SATU KAJIAN KES MENGENAI PERMASALAHAN  
PEMBELAJARAN PELAJAR TINGKATAN 5 KURSUS  
KATERING DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK TANAH  
MERAH : KE ARAH PEMBINAAN MODUL AIR REBUSAN, SUP,  
SOS DAN KUAH.

SESI PENGAJIAN: 2002/2003

Saya SURINA BINTI NORDIN.  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

LOT 3159, KAMPUNG TUALANG TINGGI,  
16800 PASIR PUTEH, KELANTAN.



(TANDATANGAN PENYELIA)

PUAN HAJAH SAREBAH BT WARMAN  
(NAMA PENYELIA)

Tarikh: 10 MAC 2003

Tarikh: 10 MAC 2003

### CATATAN:

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falfafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan”

Tandatangan :

Nama Pembimbing :

Tarikh :

  
PUAN HAJAH SAREBAH BINTI WARMAN.

10 MAC 2003.



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH


**SATU KAJIAN KES MENGENAI PERMASALAHAN PEMBELAJARAN  
PELAJAR TINGKATAN 5 KURSUS KATERING DI SEKOLAH MENENGAH  
TEKNIK TANAH MERAH : KE ARAH PEMBINAAN MODUL AIR REBUSAN,  
SUP, SOS DAN KUAH.**

**SURINA BINTI NORDIN.**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**MAC 2003**



“ Saya akui projek sarjana yang bertajuk ‘SATU KAJIAN KES MENGENAI PERMASALAHAN PEMBELAJARAN PELAJAR TINGKATAN 5 KURSUS KATERING DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK TANAH MERAH : KE ARAH PEMBINAAN MODUL AIR REBUSAN, SUP, SOS DAN KUAH’ adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya”.

Tandatangan :  .....

Nama Penulis : SURINA BINTI NORDIN.

Tarikh : 10 MAC 2003.

## DEDIKASI

*Dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi yang bagiNya segala ilmu di alam ini*

*Untuk bonda tercinta **Puan Kelesum Binti Awing Dan ayahanda tersayang Encik Nordin Bin Salleh .....***

*Anakmu kini telah berjaya memakbulkan harapan ayahanda dan bonda. Ketahuilah bahawa ayahanda dan bonda adalah sumber inspirasi buat anakanda untuk mengejar impian ini, Kerana dirimu, anakanda telah dapat mengharungi liku-liku hidup.*

*Tiada terbalas budi dan jasa pengorbanan yang dicurahkan selama ini.*

*Hanya Allah yang akan membalasnya.*

DITITIPKAN JUGA KEPADA ....

Adik-beradikku yang tersayang, **Hasnah, Saimi, Hadi, Norhasliza, Mohd Zulkhairi, Nurul Nadiya, Noramalina dan Nor Asykin..**

Kasih Sayang, Pengorbanan Serta Sokongan Kalian Amatlah dihargai

BUAT

Nenek tersayang Puan **Che Jah Binti Awang Besar**, emak saudara **Azizah** sekeluarga dan **Khairiah** sekeluarga

Semoga segala pengorbanan kalian akan dibalas dengan nikmat dan rahmat kehidupan selagi hayat dikandung badan..

TAK LUPA BUAT

**Mohd Yazid Bin Zainal**, terima kasih di atas dorongan yang diberikan.

BUAT ANAK-ANAK SAUDARA

Semoga kalian akan terus berjaya

**KEJAYAAN INI ADALAH MILIK KITA BERSAMA**

## PENGHARGAAN.

**Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya , diberi taufik dan hidayahNya beserta izinNya dapatlah saya menyiapkan penulisan saya yang bertajuk “Satu Kajian Kes Mengenai Permasalahan Pembelajaran Pelajar Tingkatan Lima Kursus Katering di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah : Ke Arah Pembinaan Modul Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.”. Penulisan ini merupakan satu bentuk kajian kes untuk memenuhi keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan.

Setinggi penghargaan serta ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Puan Hajah Sarebah Binti Warman selaku pembimbing kajian kes ini di atas segala jasa baik dan bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau di sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala nasihat serta tunjuk ajar yang bernilai yang diberikan kepada saya akan saya gunakan untuk pembelajaran saya pada masa akan, insyallah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada responden yang terlibat iaitu para pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah yang memberikan kerjasama dan sokongan terhadap penyelidikan yang dijalankan ini. Kepada rakan seperjuangan, terima kasih diucapkan di atas sokongan, galakan dan bantuan yang kalian berikan.

Harapan saya, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak, khasnya kepada para pelajar sekalian.



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan dalam Kursus Katering. Kajian ini memfokuskan kepada masalah pemahaman yang dihadapi oleh pelajar di dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah, mengenalpasti latar belakang pencapaian akademik PMR pelajar dan kaitannya dengan topik tersebut, dan ingin mengenalpasti perkaitan di antara minat, gaya pembelajaran pelajar dan juga motivasi dengan pemahaman mereka di dalam topik tersebut. Di samping itu juga pengkaji ingin mengetahui hasil penerimaan modul yang dibina. Kajian ini dijalankan ke atas 30 orang pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan. Instrumen kajian ini adalah melibatkan soal selidik yang mengandungi 67 soalan. Keseluruhan data kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 10.0* dengan membuat pengiraan Korelasi, bilangan dan peratus serta skor min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara latar belakang akademik PMR, minat, gaya pembelajaran dan motivasi dengan pemahaman pelajar dalam memahami topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah. Oleh yang demikian, pengkaji telah membina modul pembelajaran sendiri untuk menolong para pelajar bagi membantu mereka untuk lebih memahami topik tersebut.

## ABSTRACT

This research focused on a problem arising in Form 5 Catering students of Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah. The topic of “Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah” had been acknowledged as the main problem. By identifying student’s PMR result and the relationship between interest, learning style and motivation towards the understanding of the topic this research could positively answered all the research questions and its objectives. In addition, the researcher also wanted to identify the acceptance of the learning module style. This research had chosen 30 Form 5 Catering students in Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan. The instruments involved was a set of questionnaires. The data had been analyzed by using SPSS ( *Statistical Package Social Science* ) *Version 10.0* in getting correlation, frequency and percentage and also mean value. The findings showed that academic of student’s background, interest, learning style and motivation had relationship with their understanding in topic “Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah”. As a conclusion, student’s academic background in PMR, interest, learning style and motivation were related factors in understanding the topic discussed. Therefore, the researcher had developed a self- learning module in order to help the students in understanding more about the topic.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGESAHAN PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	PERAKUAN PELAJAR	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	5
	1.2 Pernyataan Masalah	7
	1.3 Soalan Kajian	12
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Definisi Istilah	14
	1.5.1 Masalah	14
	1.5.2 Pembelajaran	14
	1.5.3 Pelajar	14

	1.5.4	Minat	15
	1.5.5	Latar Belakang Akademik Pelajar	15
	1.5.6	Gaya Pembelajaran	15
	1.5.7	Motivasi	16
	1.5.8	Modul Pembelajaran Kendiri	16
	1.6	Kerangka Teori Kajian	17
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>		19
	2.0	Pengenalan	19
	2.1	Minat	20
	2.2	Latar Belakang Akademik Pelajar.	22
	2.3	Gaya Pembelajaran	23
	2.3.1	Pembelajaran Secara Individu.	25
	2.3.2	Pembelajaran Secara Berkumpulan	26
	2.4	Faktor Motivasi	26
	2.5	Kepentingan Modul Pengajaran Kendiri.	30
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>		32
	3.0	Pengenalan	32
	3.1	Rekabentuk Kajian.	33
	3.2	Tempat Kajian	33
	3.3	Responden Dan Sumber Data	34
	3.4	Instrumen Kajian	35
	3.4.1	Soalan Untuk Pelajar	36
	3.5	Kaedah Analisis Data	37
	3.5.1	Kaedah Analisis Nilai Skor Min.	38
	3.5.2	Kaedah Analisis Korelasi.	38
	3.6	Prosedur Kajian	39
	3.7	Kajian Rintis.	40





3.7.1	Kesahan.	41
3.7.2	Kebolehpercayaan.	41
3.8	Batasan Kajian	43
3.9	Andaian Kajian	43

#### **BAB IV REKABENTUK PRODUK 44**

4.0	Pengenalan	44
4.1	Objektif Produk.	45
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk.	46
4.3	Rekabentuk Produk.	47
4.3.1	Bentuk Dan Ciri Produk.	47
4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk.	49
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk.	50
4.3.4	Bahan, Kos dan Masa Membina Produk.	51
4.3.5	Dokumentasi Produk.	51
4.4	Penilaian Produk.	52
4.4.1	Pemilihan dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk.	52
4.4.2	Pemilihan Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk.	52
4.4.3	Fokus Penilaian.	53

#### **BAB V DAPATAN KAJIAN 54**

5.0	Pengenalan	54
5.1	Analisis Borang Soal Selidik.	55
5.2	Analisis Bahagian A	56
5.2.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	56
5.2.2	Bangsa Responden.	58
5.2.3	Keputusan Pencapaian PMR Responden	58

5.3	Analisa Data Bahagian B	59
5.3.1	Nilai Skor Min Bagi Masalah Pemahaman Pelajar.	59
5.4	Analisa Data Bahagian C	61
5.4.1	Nilai Skor Min Bagi Minat Pelajar	61
5.4.2	Nilai Korelasi Minat Pelajar Terhadap Pemahaman Di Dalam Topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah	62
5.5	Analisa Data Bahagian D	63
5.5.1	Nilai Skor Min Bagi Gaya Pembelajaran Pelajar.	63
5.5.2	Nilai Korelasi Gaya Pembelajaran Pelajar Terhadap Topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah.	64
5.6	Analisa Data Bahagian E	65
5.6.1	Nilai Skor Min Bagi Motivasi Pelajar.	65
5.6.2	Nilai Korelasi Motivasi Pelajar Terhadap Topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah	66
5.8	Analisa Data Bahagian F.	68
5.8.1	Nilai Skor Min Bagi Dapatan Modul.	68



<b>BAB VI</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN.</b>	<b>70</b>
6.0	Pengenalan.	70
6.1	Perbincangan.	71
6.1.1	Latar Belakang Akademik Pelajar Dalam Pemahaman Topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah.	72
6.1.2	Permasalahan Pelajar Dalam Memahami Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah	73
6.1.3	Nilai Korelasi Dalam Aspek Minat Pelajar Terhadap Pemahaman Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah	75
6.1.4	Nilai Korelasi Dalam Aspek Gaya Pembelajaran Pelajar Terhadap Pemahaman Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.	77
6.1.5	Nilai Korelasi Dalam Aspek Motivasi Pelajar Terhadap Pemahaman Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah	80
6.1.6	Dapatan Mengenai Modul Terhadap Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.	81
6.2	Rumusan.	82
6.3	Cadangan	84
6.3.1	Cadangan Kepada Pengkaji Seterusnya.	84
6.3.2	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	85



RUJUKAN.	86
LAMPIRAN.	92
MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI	117





## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Kelayakkan Akademik Bagi Pelajar Lepas PMR Untuk Mengikuti Bidang ERT.	9
3.1	Skala Likert	36
3.2	Penganalisan Skor Nilai Min	38
3.3	Klasifikasi Kekuatan Min	38
3.4	Prosedur Kajian	39
3.5	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Kajian Rintis Untuk Setiap Bahagian	42
5.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina	56
5.2	Peratusan Responden Mengikut Bangsa	57
5.3	Peratusan Responden Dalam Pencapaian PMR	58
5.4	Nilai Skor Min Bagi Masalah Pemahaman Pelajar.	59
5.5	Nilai Skor Min Bagi Minat Pelajar	61
5.6	Nilai Korelasi Bagi Aspek Minat Pelajar Terhadap Di Pemahaman Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.	62
5.7	Nilai Skor Min Bagi Gaya Pembelajaran Pelajar.	63
5.8	Nilai Korelasi Bagi Aspek Gaya Pembelajaran Pelajar Terhadap Pemahaman Di Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.	64
5.9	Nilai Skor Min Bagi Motivasi Pelajar	65
5.10	Nilai Korelasi Bagi Aspek Motivasi Pelajar Terhadap Pemahaman Topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah	66
5.11	Nilai Skor Min Bagi Dapatan Modul	68

## SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	17
4.1	Kronologi Pembinaan Produk.	49

### SENARAI SINGKATAN

#### SINGKATAN

#### HURAIAN PENUH

ERT

Ekonomi Rumah Tangga.

PMR

Penilaian Menengah Rendah

SPSS

*Statistical Package Social Science.*

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat Permohonan Menjalankan Kajian	91
B	Borang Soal Selidik Kajian	92
C	Hasil Kajian Rintis ( <i>Alpha Cronbach</i> )	102
D	Hasil Dapatan Kajian Untuk Min	111
E	Hasil Dapatan Kajian Untuk Korelasi.	115
F	Modul Pembelajaran Kendiri	116



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan satu bidang yang amat dititikberatkan oleh kerajaan sejak akhir-akhir ini. Negara memerlukan tenaga pekerja yang ramai menjurus kepada bahagian teknikal. Oleh itu kerajaan perlu menyediakan sumber tenaga kerja yang bersesuaian dengan kehendak pasaran buruh di Malaysia untuk memenuhi keperluan tersebut.

Pada tahun 1960-an, kerajaan telah menegaskan untuk memberi penekanan kepada pendidikan vokasional dan teknik untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan separuh mahir dalam negara. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional telah ditubuhkan pada 1964 yang bertanggungjawab untuk memajukan pendidikan teknik dan vokasional dalam negara. Kini bahagian ini dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Teknikal di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. (Nazlein Nawawi ,2002).



Menurut UNESCO (Lee, 1995), telah menyatakan bahawa pendidikan teknik dan vokasional bukan sahaja melatih seseorang untuk sesuatu pekerjaan dengan memberikannya pengetahuan, bersama-sama dengan pendidikan am, memupuk perkembangan sifat dan watak untuk menambah keupayaan bagi memahami, menilai, melahirkan pendapat serta menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Ini selaras dengan tujuan pendidikan teknik dan vokasional iaitu:

- a) Membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat kerja dan tanggungjawab dalam diri pelajar supaya dapat digunakan secara berfaedah dan produktif.
- b) Menolong di dalam perindustrian dan proses pemodenan dengan memberikan sumbangan tenaga untuk dijadikan industri lebih produktif.
- c) Menolong memperkembangkan potensi pelajar dan memperbaiki lagi kualiti hidupnya dengan cara meluaskan lagi alam kecerdasan sambil memperbaiki lagi kemahiran dan pengetahuannya.
- d) Untuk membolehkan pelajar-pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran serta membentuk kecenderungan dalam bidang teknik dan vokasional bagi memenuhi tenaga manusia yang terlatih di negara ini.

Daripada sini dapatlah kita lihat akan kepentingan pendidikan teknik dan vokasional ini. Walau bagaimanapun, dikatakan kurikulum pendidikan formal dan subjek teknikal terlalu konservatif, tradisional dan ketinggalan zaman berbanding dengan perubahan dan keperluan di dalam industri dan peluang pekerjaan. Penyemakan dan penyusunan semula sistem kurikulum perlu dibuat bagi memastikan ia adalah menepati keperluan ekonomi dan mencapai wawasan 2020.

Menurut Laporan Kabinet (1979), kerajaan menegaskan bahawa pendidikan menengah atas akan berteraskan akademik dan vokasional. Sehingga dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 kerajaan mula mempertingkatkan pendidikan bercorak teknik dan vokasional. Pendidikan yang bercorak teknik dan vokasional ini telah dilaksanakan di sekolah- sekolah teknik dan vokasional serta di sekolah akademik. Ini adalah selaras dengan permintaan kerajaan kerana negara sekarang ini menuju ke zaman sains dan teknologi. Oleh yang demikian, industri yang berunsurkan kemahiran amatlah dipentingkan. Salah satu industri kemahiran adalah industri pelancongan.

Industri pelancongan merupakan sumber kedua utama negara selain daripada industri otomobil yang amat mementingkan kemahiran. Ia mencatatkan sejarah apabila lebih dua juta pelancong asing berkunjung ke Malaysia dalam tempoh dua bulan pertama tahun 2000. Menurut Abdul Kadir (1995) dalam Laupa (2001), beliau menyatakan bahawa jumlah tertinggi itu menunjukkan peningkatan hampir 50% kehadiran pelancong asing berbanding jumlah kedatangan tahun lalu. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun lalu, Malaysia menerima kunjungan 4.7 juta pelancong asing yang berkunjung ke negara ini dalam masa sebulan iaitu sejak Disember tahun lalu sehingga perangkaan terkini iaitu Disember lalu.

Oleh yang demikian, industri pelancongan Malaysia yang berkembang pesat amat memerlukan tenaga buruh mahir dan separuh mahir dalam bidang pelancongan. Memandangkan pentingnya sumber tenaga mahir dan separuh mahir, adalah amat wajar pihak kerajaan dan swasta mengeluarkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir untuk memenuhi sumber tenaga kerja di dalam sektor pelancongan. Potensi industri pelancongan sebagai penjana ekonomi negara baru hanya dapat direalisasikan jika usaha-usaha membangunkan industri pelancongan diberi penekanan sewajarnya. Oleh yang demikian pihak sekolah perlulah mengeluarkan para pelajar yang betul-betul berkebolehan dalam bidang industri pelancongan dengan lebih memberikan tumpuan terhadap segala mata pelajaran yang diajar di dalam mata pelajaran Teknologi Katering.

Pewujudan mata pelajaran Teknologi Katering di peringkat persekolahan adalah bertujuan untuk memberikan pelajar pengetahuan dan kemahiran . Selain daripada melatih pelajar dengan kemahiran untuk pekerjaan, ia juga membentuk perkembangan kognitif dan personaliti pelajar supaya mereka lebih memahami diri sendiri dan alam persekitaran yang bercorak sosial dan fizikal. Di alam pengajaran pula, kualiti pendidikan yang dicapai oleh pelajar di sekolah banyak bergantung kepada kualiti guru.

Selaras dengan itu, pihak kerajaan telah menubuhkan sekolah-sekolah teknik, politeknik-politeknik, universiti-universiti kerajaan mahupun swasta yang banyak menyediakan peluang-peluang belajar di dalam industri pelancongan ini. Di peringkat rendah, kerajaan telah menyediakan kursus Ekonomi Rumah Tangga (ERT) di peringkat sekolah menengah teknik bagi memenuhi permintaan buruh untuk industri pelancongan ini.

Dalam akhbar The Star ( Mac,1992), ada menyebut bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang untuk mengeluarkan pelajar aliran vokasional seramai 67 000 ribu orang menjelang tahun 2020 nanti termasuklah di dalam kursus Ekonomi Rumah Tangga ini dan pelajar-pelajar lepasan ERT dibolehkan untuk mengikuti kursus-kursus di dalam industri pelancongan iaitu Pengurusan Hotel dan Pelancongan yang telah ditawarkan di universiti-universiti tempatan seperti di Universiti Teknologi Mara dan Universiti Utara Malaysia. Daripada sini dapatlah kita lihat bahawa kursus ERT ini amatlah dititikberatkan oleh pihak kerajaan kerana kursus ini menyediakan para pelajar bagi memenuhi permintaan kerajaan di dalam sektor pelancongan

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji mengenai aspek pelajar itu sendiri mengenai latar belakang pencapaian akademik pelajar dan kaitan dengan pemahaman dengan topik tersebut, permasalahan yang dihadapi oleh pelajar Kursus Katering dan perkaitannya dengan gaya pembelajaran pelajar, minat dan motivasi pelajar terhadap

permasalahan pemahaman mereka terhadap topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah, di dalam Kursus Katering di sekolah menengah teknik. Selaras dengan itu pengkaji ingin membina modul pembelajaran sendiri bagi mata pelajaran Teknologi Katering bagi pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah bagi membantu mereka untuk lebih memahami topik tersebut.

## 1.1 Latar belakang Masalah

Kursus Katering merupakan salah satu kursus yang ditawarkan oleh bahagian Ekonomi Rumah Tangga (ERT) di Sekolah Menengah Teknik. Selain daripada kursus ini, ia juga mempunyai kursus-kursus lain seperti Kursus Bakeri Dan Konfeksioneri, Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian, Seni Kecantikan dan Asuhan Kanak-Kanak. Di antara mata pelajaran teras yang terdapat dalam Kursus Katering ini ialah Perkhidmatan Makanan dan Teknologi Katering. Penilaian bagi kursus ini adalah merangkumi teori dan amali.

Objektif ERT secara amnya adalah untuk mengenalpasti keperluan manusia dan persekitaran di samping berupaya menggunakan pengetahuan yang ada untuk membuat justifikasi, memanipulasi, merancang, mentafsir, menilai sebarang keputusan dan tindakan. Ia juga berharap agar pelajar dapat mengaitkan mata pelajaran tersebut dengan persekitaran. Ianya selari dengan matlamat atau rasional pendidikan teknik dan vokasional iaitu untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor industri dan perdagangan.

Di dalam mata pelajaran ini, terdapat 16 topik yang mesti dipelajari oleh pelajar tingkatan lima dan salah satunya adalah topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah. Mata pelajaran ini juga adalah merupakan salah satu subjek yang menyediakan para pelajarnya kepada bidang pekerjaan yang akan dijadikan karier mereka kelak. Sebagai contohnya, mereka boleh bekerja sebagai penyambut tetamu, pramusaji, pengurus hotel, dan sebagainya. Oleh yang demikian, adalah penting sekiranya mata pelajaran Teknologi Katering dititikberatkan oleh pelajar itu sendiri dalam membantu mereka untuk lebih memahami topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.

Walaupun bagaimanapun, pelajar itu menghadapi masalah dari segi minat, latar belakang pencapaian akademik pelajar, gaya pembelajaran dan juga motivasi mereka di dalam proses pembelajaran mereka di dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah. Menurut Azman (1995) mengatakan bahawa minat, latar belakang pencapaian akademik pelajar, gaya pembelajaran dan motivasi dalam sesuatu perkara penting dalam memahami mata pelajaran-mata pelajaran tertentu khususnya yang berbentuk teori dan amali.

Menurut Hamid (1979), terdapat pertalian positif di antara pencapaian pembelajaran di satu peringkat sekolah dengan pencapaian akademik di peringkat berikutnya. Hasil kajian beliau pada keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang berkelulusan lemah pada peringkat menengah akan memperolehi keputusan yang lemah juga di peringkat menengah atas.

Bagi topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam mata pelajaran Teknologi Katering, ia melibatkan proses di mana para pelajar perlu mengingat akan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk membuat Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah. Walaubagaimanapun, topik ini lebih kepada masakan jenis Barat yang menyebabkan mereka susah untuk lebih memahami topik ini. Ini akan mendatangkan masalah kepada

para pelajar kerana minat pelajar itu sendiri, latar belakang pencapaian akademik pelajar, gaya pembelajaran mereka dan juga motivasi boleh memengaruhi mereka dalam memahami mata pelajaran tersebut.

Menurut Azman ( 1995), mata pelajaran Teknologi Katering ini adalah satu mata pelajaran baru dan membawa perubahan perkembangan pendidikan dari segi pengetahuan dan kemahiran. Guru-guru yang terlibat pada mulanya tidak mempunyai kemampuan untuk mengajar perkara yang di luar bidangnya. Mereka terpaksa mempelajari perkara dan kemahiran yang baru. Jika proses pengajaran dan pembelajaran dalam mencapai objektif-objektif program ERT yang sedia ada kurang diberi penekanan, implikasinya nanti akan melahirkan pelajar yang kurang berkualiti dari segi kemahiran dan pengetahuannya. Ini akan memberi kesan yang kurang baik di dalam memenuhi aspirasi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan sumber manusia yang berkualiti.



1.2

## Penyataan Masalah

Program Ekonomi Rumah Tangga ini asalnya bernaung di bawah pendidikan vokasional. Dari sudut vokasional itu sendiri ia memaparkan bahawa program ini menjurus ke arah kemahiran. Namun begitu, di dalam mata pelajaran Teknologi Katering bagi tingkatan lima di sekolah menengah teknik merupakan mata pelajaran teori dan amali di mana ia memerlukan murid mengetahui dan memahami isi pelajaran dan seterusnya mengaplikasikannya di dalam kelas amali. Menurut tinjauan di beberapa sekolah menengah teknik yang mempunyai kursus ERT dan hasilnya menunjukkan pelajar menghadapi masalah di dalam topik Air Rebusan , Sup, Sos dan Kuah di dalam Teknologi Katering.



Hasil temuramah pengkaji dengan beberapa orang guru yang berpengalaman di dalam bidang ERT di dua buah sekolah mendapati bahawa bahawa ramai pelajar lemah di dalam topik ini. Menurut mereka, ini adalah kerana pelajar kurang berminat di dalam memahami topik ini, latar belakang pencapaian akademik pelajar yang sederhana dan gaya pembelajaran pelajar dan juga motivasi pelajar yang rendah.

Masalah pelajar kurang pemahaman terhadap mata pelajaran Teknologi Katering ini dapat dilihat melalui pencapaian pelajar ERT kursus Katering dalam peperiksaan SPM berada pada tahap yang kurang memberansangkan berbanding kursus lain. Secara rasionalnya, jika dirujuk pada syarat minimum kemasukan pelajar ke tingkatan empat bagi Kursus Katering bolehlah dikatakan bahawa para pelajar yang memasuki kursus ini merupakan pelajar yang pencapaian akademiknya berada di tahap sederhana seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**Jadual 1.1: Kelayakan Akademik Bagi Pelajar Lulusan PMR Untuk Mengikuti Bidang Ekonomi Rumah Tangga - Kementerian Pendidikan Malaysia 2001**

Bidang	Kursus	Pencapaian Mata Pelajaran PMR	
		Syarat Utama	Syarat Lain
Ekonomi Rumah Tangga	1. Katering 2. Rekaan Fesyen & Membuat Pakaian 3. Asuhan Kanak-kanak 4. Bakeri & Konfeksionari	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran di bawah: Bahasa Melayu....C Sains.....C Matematik.....D Kem. Hidup.....C	Mendapat pencapaian minimum di
	5. Seni Kecantikan	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran di bawah: Bahasa Melayu...D Sains.....D Matematik.....D Kem. Hidup.....D	Peringkat D dalam 1 (satu mata pelajaran lain)

Untuk menjayakan program ini ia perlu ada input-input yang mencukupi bagi memastikan program ini dapat berjalan dengan berkesan. Di antara input-input ialah pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada guru-guru. Kebanyakan kursus diajar oleh kakitangan sumber yang tidak diketahui akan kebolehan dan kecekapannya. Jangka masa kursus juga perlu diambil kira kerana jangkamasa kursus boleh menjadi pengukur dalam menentukan keberkesanan sesuatu program (Ragget, 1978).

Sehubungan dengan itu, guru pula memainkan peranan yang penting dalam melahirkan pelajar yang dapat menguasai amali dan teori dengan baik. Ini bersamaan dengan kenyataan ( Bryan Coombs ,1995), guru merupakan orang yang paling mempengaruhi hidup individu di luar rumah. Dalam konteks ERT amnya menurut (Azizi, 2000), bagi memastikan program ini dapat berjalan dengan berkesan, input-inputnya ialah strategi pengajaran dan pembelajaran.

Di sinilah penggunaan modul yang bersesuaian diperlukan bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk memperolehi produk yang berkesan secara keseluruhan pelaksanaan mata pelajaran Teknologi Katering, pencapaian daripada pelajar perlu dinilai dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sejak mengikuti program ERT dari tingkatan empat hingga ke tingkatan lima. Dengan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik para pelajar dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian atau di alam pekerjaan kelak. Daripada pengetahuan asas ini juga dapat dijadikan batu loncatan bagi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam kajian ini, pengkaji menjurus ke arah bahagian teknikal dan vokasional di sekolah menengah teknik. Pengkaji cuba mengenalpasti permasalahan pelajar dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah, mengenalpasti latar belakang akademik pelajar dan kaitannya dengan topik yang dibincangkan, mengenalpasti perkaitan di antara minat

gaya pembelajaran dan motivasi pelajar dalam memahami topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah bagi mata pelajaran Teknologi Katering bagi peringkat tingkatan lima. Oleh yang demikian, pengkaji ingin membina modul pembelajaran sendiri bagi membantu proses pembelajaran pelajar di dalam topik ini. Pembinaan Modul Kendiri ini diharapkan akan dapat memberi banyak manfaat kepada para pelajar untuk meningkatkan lagi prestasi mereka di dalam kursus ini yang mempunyai masa depan yang cerah kelak.



### 1.3 Soalan Kajian

Secara khusus, soalan kajian adalah untuk mendapatkan jawapan-jawapan terhadap beberapa persoalan kajian seperti berikut :

1. Apakah permasalahan pelajar dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah?
2. Apakah latar belakang pencapaian akademik pelajar dalam kursus Teknologi Katering dan kaitannya dengan pemahaman mereka dalam topik Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam kursus Teknologi Katering ?
3. Apakah minat pelajar mempengaruhi pemahaman mereka terhadap topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam kursus Teknologi Katering?
4. Apakah gaya pembelajaran pelajar mempengaruhi pemahaman mereka dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam kursus Teknologi Katering?
5. Apakah motivasi pelajar mempengaruhi pemahaman mereka dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam kursus Teknologi Katering?



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

#### 1.4 Objektif Kajian.

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti masalah pelajar dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah dalam mata pelajaran Teknologi Katering.
2. Mengenalpasti latar belakang pencapaian akademik pelajar dan kaitannya dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah dalam mata pelajaran Teknologi Katering.
3. Mengenalpasti perkaitan antara minat pelajar terhadap pemahaman mereka dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah dalam mata pelajaran Teknologi Katering .
4. Mengenalpasti perkaitan antara gaya pembelajaran pelajar terhadap pemahaman mereka dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah dalam mata pelajaran Teknologi Katering.
5. Mengenalpasti perkaitan antara motivasi pelajar terhadap pemahaman mereka dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah dalam mata pelajaran Teknologi Katering.
6. Ke arah pembinaan modul pembelajaran sendiri untuk membantu pelajar di dalam Kursus Teknologi Katering di dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.



## **1.5 Definisi Istilah**

### **1.5.1 Masalah**

Menurut Kamus Dewan (1996), “masalah” membawa erti sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran atau kesulitan.

### **1.5.2 Pembelajaran**

Menurut Kamus Dewan (1996), “pembelajaran” membawa erti proses atau kegiatan belajar. Maka “Masalah Pembelajaran” bererti proses atau kegiatan belajar yang menimbulkan keadaan kesukaran atau kesulitan yang memerlukan penyelesaian.

### **1.5.3 Pelajar**

Pelajar adalah terdiri daripada pelajar Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Tanah Merah Kelantan.

#### 1.5.4 Minat

Menurut Kamus Dewan ( 1996), minat adalah, perkataan “semangat”, ia bererti “kemahuan untuk melakukan sesuatu ( kemahuan itu adalah datang daripada dalaman seseorang )”.

#### 1.5.5 Latar belakang Akademik Pelajar

Menurut Kamus Dewan ( 1996), latar belakang akademik pelajar merujuk kepada prestasi pelajar yang lepas samada di peringkat yang lebih tinggi pencapaiannya, sederhana ataupun di peringkat rendah akademiknya.

#### 1.5.6 Gaya Pembelajaran

Dalam kajian ini gaya pembelajaran diertikan sebagai cara atau kaedah yang digunakan oleh individu dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan. Menurut Peterson ( 1979) dan Stewart ( 1981) berpendapat bahawa gaya pembelajaran boleh merujuk kepada pendekatan pembelajaran yang digemari oleh pelajar. Manakala menurut ( Dunn , 1981), gaya pembelajaran merujuk kepada cara individu bertindak balas terhadap dunia di sekitarnya.

### 1.5.7 Motivasi

Robert J. Songgok ( 2000), telah mentakrifkan motivasi merupakan suatu perubahan tenaga di dalam diri seseorang yang ditandai dengan timbulnya afektif (perasaan) dan reaksi untuk mencapai tujuan manakala Habibah Elias (1997) mentakrifkan motivasi adalah satu bentuk dorongan dalaman yang dialami oleh manusia untuk “gerak” bagi membangkitkan dan mengarahkan tingkah-lakunya ke arah sesuatu matlamat.

### 1.5.8 Modul Pembelajaran Kendiri.

Seperti yang dijelaskan oleh Shahrom ( 1994), modul pembelajaran sendiri adalah :

“Pakej pembelajaran– Pembelajaran kandungan sendiri yang direka bentuk dengan terancang, teratur, dan sistematik, menggunakan strategi pembelajaran penguasaan serta menggabungkan pendekatan sistem dan humanistic. Ia mengandungi beberapa komponen penting pendidikan berketrampilan seperti objektif pembelajaran yang jelas, bahan dan aktiviti pembelajaran, penilaian, maklumbalas pencapaian, rujukan, pilihan pembelajaran serta arahan yang jelas. ini membolehkan para pelajar belajar sendiri mengikut kebolehan dan kadar masing-masing. Ia biasanya berasaskan pada teknologi pendidikan dan boleh dalam bentuk bahan bercetak, bahan bukan bercetak atau gabungan kedua-duanya. Secara ringkas, modul pembelajaran sendiri adalah pekej pembelajaran yang bertujuan untuk membolehkan para pelajar belajar bersendirian.”

## 1.6 Kerangka Teori Kajian.

Dalam kerangka kajian seperti Rajah 1.1 di bawah, latar belakang pencapaian akademik pelajar, minat pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan motivasi pelajar dihubungkan terhadap masalah pemahaman pelajar terhadap topik Air Rebusan, Sup, Sos dan Kuah.

### MASALAH

- Latar belakang akademik pelajar.
- Minat pelajar
- Gaya pembelajaran pelajar.
- Motivasi pelajar.

### KESAN

- Pelajar kurang pemahaman mengenai topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam mata pelajaran Teknologi Katering di Sekolah Menengah Teknik.

( Analisa Untuk Menentukan Kewujudan Hubungkait Atau Tidak)

### OUTPUT

Pembinaan modul pembelajaran sendiri bagi topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah bagi pelajar Tingkatan Lima Kursus Teknologi Katering di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan.

**Rajah 1.1 : Kerangka Teori Kajian**

Daripada kerangka teori ini dapatlah dilihat dengan jelas bahawa pengkaji ingin mengkaji sama ada minat pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan motivasi pelajar mempunyai perkaitan dengan masalah pemahaman mereka dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam mata pelajaran Teknologi Katering. Manakala pengkaji juga ingin mengenalpasti akan latar belakang akademik pelajar dan juga permasalahan pelajar dalam topik tersebut. Oleh kerana para pelajar menghadapi masalah di dalam di dalam topik ini maka pengkaji boleh membina Modul Pembelajaran Kendiri bagi membantu para pelajar di dalam mata pelajaran Teknologi Katering ini sebagai bahan rujukan mereka di dalam membantu mereka dengan memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang topik ini.

Oleh yang demikian pembinaan modul pembelajaran sendiri yang lebih padat, mudah difahami dan juga mengandungi maklumat yang terkini mengenai topik tersebut diharapkan akan dapat memberikan pemahaman yang lebih baik kepada pelajar di dalam topik ini dan seterusnya meningkatkan lagi prestasi mereka di dalam mata pelajaran Teknologi Katering ini.



## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan.

Bidang pendidikan sentiasa mengalami cabaran dan perubahan. Perubahan yang berlaku dalam pendidikan turut mempengaruhi tugas dan juga peranan yang perlu dimainkan oleh para pendidik atau mereka yang terlibat dengan pendidikan. Pendidikan merupakan satu faktor penting untuk melahirkan tenaga kerja yang profesional, mahir dan separuh mahir.

Dengan sistem pendidikan yang baik dan cekap, tenaga kerja professional, mahir dan separuh mahir dapat membantu mempercepatkan perkembangan ekonomi di sesebuah negara. Menurut Tamby (1983), bagi menjayakan proses pembelajaran yang dilakukan bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam topik ini, para pelajar haruslah mempunyai minat yang mendalam di dalam tajuk yang diajar, latar belakang pencapaian akademik yang tinggi, gaya pembelajaran yang berkesan dan motivasi yang tinggi di dalam diri pelajar akan dapat memudahkan mereka untuk lebih memahami sesuatu mata pelajaran itu. Ini telah dinyatakan oleh Azman (1995). Implikasinya, jika pengetahuan



pelajar dalam subjek topik ini dapat diperkukuhkan, ia boleh disalurkan ke jalan yang betul iaitu pengetahuan tersebut boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka.

## 2.1 Minat

Minat untuk belajar merupakan satu faktor yang sangat penting kepada seseorang berjaya dalam pembelajarannya. Ia merupakan satu daya penggerak yang kuat yang boleh mendorong atau memotivasikan seseorang untuk memberi perhatian sepenuhnya terhadap sesuatu perkara yang dipelajarinya. Tanpa minat belajar, ia bagaikan sebuah kapal yang bocor di bahagian tapaknya yang akhirnya akan tenggelam ke dalam dasar lautan yang luas. Ini bermakna pelajar yang tidak mempunyai minat yang mendalam di dalam perkara yang diikutinya, kesannya mereka akan terus merosot di dalam pencapaian akademiknya dan ini mungkin akan menjejaskan masa depannya.

Mata pelajaran Teknologi Katering ini juga adalah merupakan salah satu subjek yang menyediakan para pelajarnya kepada bidang karier mereka kelak. Contohnya dalam Kursus Katering, majoriti pelajar yang memasuki kursus ini adalah terdiri daripada pelajar yang meminati bidang kemahiran iaitu lebih kepada amali berbanding teori. Ragget (1998). Berdasarkan pendapat tersebut, dapat dinilai bahawa para pelajar ini lebih suka kepada sesuatu yang berbentuk nyata. Jadi, minat pelajar boleh ditanam dan disuburkan jika pelajar dapat melihat dengan jelas kepentingan topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah tersebut sebagai satu aspek yang penting di dalam pembinaan karier mereka kelak yang mungkin bercita-cita untuk menjadi seorang tukang masak yang berjaya.

Di dalam mata pelajaran ini, terdapat salah satu topik di mana para pelajar menghadapi masalah berkaitan dengan topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah telah menimbulkan permasalahan kepada para pelajar. Ini adalah kerana kita sedia maklum bahawa para pelajar yang memasuki sekolah-sekolah menengah teknik adalah merupakan para pelajar yang mempunyai tahap akademik di peringkat sederhana.

Menurut kajian yang dilakukan oleh seorang ahli psikologi, ( Crow Robiah Udin, 1999), beliau mendapati jikalau seseorang pelajar itu berminat dalam perkara yang digemarinya, dia akan mengembangkan minat dan sentiasa berusaha dengan gigihnya sehingga berjaya, walaupun dia mempunyai pencapaian kebolehan yang sederhana. Sebagai contohnya, mereka akan lebih kreatif di dalam membuat pelbagai kaedah masakan yang berkaitan dengan topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah. Oleh yang demikian, di dalam hal ini, minat pelajar amatlah dititik beratkan di dalam mereka memahami dengan lebih mendalam lagi dengan topik yang diajar oleh pihak guru.

Satu lagi pendapat ialah menyatakan bahawa masalah pelajar yang lemah dalam penguasaan topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah adalah berpunca dari masalah minat terhadap pembelajaran dan sikap terhadap mata pelajaran itu. Penguasaan topik ini adalah bergantung kepada sikap positif terhadap mata pelajaran itu. Pelajar harus menyedari dan menghayati kepentingan topik ini ; penguasaan pengetahuan adalah berpunca dari keinginan dan minatnya sendiri dan bukan disebabkan oleh faktor-faktor lain. Ragget ( 1998).

Para pelajar akan mencapai kejayaan yang lebih jika minat mereka berubah. Contohnya dalam Kursus Katering, majoriti pelajar yang memasuki kursus ini adalah terdiri daripada pelajar yang meminati bidang kemahiran iaitu lebih kepada amali berbanding teori. Berdasarkan pendapat tersebut, dapat dinilai bahawa para pelajar ini lebih suka kepada sesuatu yang berbentuk nyata. Jadi, minat pelajar boleh ditanam dan

disuburkan jika pelajar dapat melihat dengan jelas kepentingan topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah tersebut. Dengan erti kata lain, menurut Coombs (1999), pelajar perlu lebih bersikap terbuka dan guru perlu pelbagaikan teknik pengajaran supaya proses pengajaran dan pembelajaran boleh menarik minat pelajar.

Kepentingan minat pada seseorang pelajar akan merangsang seseorang pelajar supaya melakukan sesuatu dengan penuh semangatnya. Dalam Kamus Dewan, (1996) perkataan “semangat”, bererti “kemahuan untuk melakukan sesuatu ( kemahuan itu adalah datang daripada dalaman seseorang )”. Maka konsep Motivasi Intrinstik ( sikap positif yang tertanam pada setiap orang) berlaku dalam proses pembelajaran seseorang pada masa itu. Menurut ahli penyelidikan Thailand, Intasuwan, beliau telah membuktikan kebenaran kajian-kajian yang dibuat oleh Ongkleb mengenai konsep sendiri yang positif mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar yang berkonsep sendiri yang negatif ( Mohammad Daud Hamzah, 1996).

Dengan itu tidak dapat dinafikan bahawa faktor minat belajar merupakan pemangkin kepada seseorang pelajar untuk lebih memahami sesuatu matapelajaran itu khususnya di dalam topik Air Rebusan, Sup, Sos Dan Kuah di dalam Kursus Teknologi Katering.

## **2.2 Latar Belakang Akademik Pelajar.**

Seperti yang kita ketahui para pelajar di peringkat teknik dan vokasional pencapaian mereka adalah di tahap yang sederhana sahaja. Ini dapat dibuktikan dengan

pencapaian pelajar bagi Kursus ERT di sekolah menengah teknik. Mata pelajaran ERT merupakan salah satu kursus yang ditawarkan di dalam bidang Teknik Dan Vokasional

Telah kerap kali dikemukakan betapa pentingnya menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas yang mencukupi sebelum mereka mengikuti kursus yang berkaitan selanjutnya seperti Kursus Diploma Pengurusan Hotel dan Diploma Kulineri Art di pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Universiti Teknologi MARA dan sebagainya. Ini adalah dipersetujui oleh Azman ( 1995), yang menyatakan bahawa apabila sebut sahaja mengenai kecemerlangan dalam bidang akademik, maka pencapaian akademik para pelajar adalah amat dititikberatkan berbanding dengan kegiatan luar sekolah dan ia adalah berkait rapat dengan pencapaian mereka selanjutnya.

Kajian oleh Kamarudin Khalid ( 1992), mengenai kelemahan pelajar-pelajar mendapati bahawa kebanyakan para pelajar yang mempunyai pencapaian rendah di dalam mata pelajaran mereka di sekolah kerana mempunyai latar belakang pengetahuan yang lemah. Menurut Maya Sofa ( 1999), beliau juga bersetuju bahawa pencapaian pelajar biasanya adalah bergantung kepada pencapaian mereka pada masa dahulu. Oleh yang demikian, para guru haruslah mengambil sikap yang positif supaya para pelajar dapat meneruskan pengajian mereka dengan sebaik yang mungkin walaupun latar belakang pencapaian akademik mereka adalah rendah.

### **2.3 Gaya Pembelajaran Pelajar**

Dua gaya pembelajaran pelajar yang biasa digunakan oleh pelajar yang dapat dilihat di sini ialah berkaitan dengan pembelajaran secara individu atau berkumpulan. Tujuan gaya pembelajaran ialah untuk membolehkan para pelajar mampu untuk mengaplikasikan cara tersebut di rumah dan ini membolehkan mereka belajar dengan

cara mereka yang tersendiri. Gaya pembelajaran ini boleh dilakukan dengan cara yang menarik minat dan dapat mengekalkan perhatian mereka di samping mencungkil rasa ingin tahu mereka. Menurut Musa (1983), pelajar mestilah menggunakan gaya pembelajaran yang bertujuan untuk mengembangkan bakat pelajar, membantu pelajar belajar dengan seronok dan mudah menilai pembelajaran.

Menurut Coombs (1999) di dalam bukunya 'Successful Learning' menyatakan kepelbagaian dalam pembelajaran dapat meningkatkan kesan dalam proses pembelajaran. Jika dilihat pada sikap pelajar dalam Kursus Katering ini, pelajar perlu bijak menyusun strategi dalam proses pembelajaran kerana majoriti dari mereka adalah lebih meminati amali daripada teori. Oleh yang demikian, aplikasi di rumah amatlah penting di dalam menarik mereka untuk menguasai proses pembelajaran tersebut.

### 2.3.1 Pembelajaran Secara Individu.

Gaya pembelajaran adalah merupakan satu set ciri-ciri peribadi yang mempengaruhi bagaimana seseorang menerima, mengumpul dan memproses maklumat semasa proses pembelajaran dijalankan. Dalam bilik darjah pelajar-pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan berbeza-beza. Mengikut Bloom (1996), perbezaan yang berlaku dalam gaya pembelajaran adalah disebabkan oleh keadaan rumah atau asrama dan di sekolah ataupun insitusi pengajian tinggi.

Menurut Coombs (1999), perbezaan pembelajaran ini boleh dikaitkan dengan keadaan semulajadi pelajar. Ini bermakna apabila pelajar dan pengajar bermutu, maka hasil pembelajaran lazimnya berada pada tahap yang tinggi dan positif. Kajian ini juga menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang jelas tentang gaya pembelajaran bagi

## RUJUKAN

Ahmad Esa( 1997), *Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional: Cabaran Pendidikan Alaf Baru*. Jurnal Teknologi. 32(E). 11 - 22.

Aiza Shairyna Mohd Amin ( 2000), *Kemampuan Motivasi Luaran Dalam Membantu Kecemerlangan Akademik Pelajar : Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Tahun Tiga Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan CPA melebihi 3.00 di KUITTHO, Batu Pahat*.

Atkinson, J.W. (1965). *The Mainsprings of Achievement-oriented Activity*,.dlm Krumboltz, J.D. (ed.) "Learning and The Educational Process". Chicago: Rand McNally.

Azizi Hj. Yahya (2000). *Penggunaan Modul KIPP Dalam Penilaian Program Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ph. D.

Azman Ahmad ( 1995), *Pembelajaran Berkesan Pelajar Gemilang*, Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Berlyne, D.E. (1965). *Curiosity and Education*. dlm Krumboltz, J.D. (ed.) "Learning and The Educational Process". Chicago: Rand McNally.

Biggs, J.B. (1973). *Content to Process*. The Australia Journal of Education. 225-238

Bloom. J ( 1996), *Coolaborative And Cooperative Learning In The Science Classroom*, New York.

Brookovers (1976), *The Prediction of Academic Success*. Slough: N.F.E.R



Bryan Coombs (1995). *Successful Teaching*. Edisi 1. Oxford. Heinemann Educational Publishers.m.s 79 - 91.

Coombs, (1999). *The Nature Of Students Process..* Slough: N.F.E.R

Crow Rubiah Udin ( 1999), *Masalah Pembelajaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Tahun Dua Semester Satu Kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Di ITTHO: Satu Kajian Kes.KUiTTTHO.*

Davidson And Lang ( 1973), *Implication Of Learning Strategies, San Diego, Academic Press.*

Daman Khalid ( 2002 ), *Pendidikan Dalam Era Millenium, Dewan Siswa, Jilid 2, hlm. 155*

Dunn ( 1981), *The Idea Of Higher Education*, New York Press.

Ee Ah Meng (2000), *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan ( Semester 1)*. Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.

Gardner ; Lambert ,(1970). *Motivation Variables In Second Language Acquisition. A Principle Investigation Ontario: Canadian Press*

Gardner.R.C, Santos. E.h( 1972), *Motivational Variables In Second Language Acquisition. Ontario: University Of Western Ontario.*

Habibah Elias ( 1997), *Motivasi Keluarga Bahagia* .Kuala Lumpur :Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Hamid Awang ( 1979), *Pembelajaran Yang Berkesan Dalam Bilik Darjah*, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamaruddin Khalid ( 1992), *Satu Tinjauan Tentang Kelemahan Pelajar-pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Sesi 91/92, Kertas Projek, Johor Bharu* : Universiti Teknologi Mara.

Kamus Dewan ( 1996), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 50

Kerlinger, F. ( 1973), *Foundation Of Behaviour Science*, New York : Rinehart And Winson.

Laporan Kabinet ( 1979), "Rancangan Malaysia Keenam", Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laupa ( 2001), *Penglibatan Pelajar Dalam Pembelajaran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Lee ( 1995), *Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Lukhmani ( 1992), *Cooperative Learning*, New York.

Maya Sofa ( 1999), *Pendidikan Dan Penilaian Dalam PTV*, Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Meyer. T ( 1979), *Learning And Study Strategies : Issues In Assesement, Instruction And Evaluation*, New York.

Murugas Ramdas ( 2001), *Penghasilan Dan Penilaian Modul Pembelajaran Kendiri Bagi Meningkatkan Penggunaan Statistik dalam Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah JPTV KUiTTHO, KUiTTHO*. Tesis Sarjana Pendidikan Pendidikan PTV.

Nazlein Nawawi ( 2002), *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Di Makmal: Satu Tinjauan Di Politeknik Kota Bharu*, Tesis Sarjana Pendidikan, Batu Pahat, Johor, KUiTTHO.

Mohd Daud Hamzah ( 1996), *Perkembangan Kanak-Kanak Dan Pembelajaran*, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Mohd Najib Abdul Ghafar ( 1999), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia ( UTM).

Musa Daia (1983). *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Kuala Lumpur: Badan Bookstore Sdn. Bhd.

Ormrod, J.E, Jackson, D.L & Salleh, D.J ( 1999 ,April ). *The Nature Of Student Metacognitive Process, as Reflected In Their Self- Generated Questions And Class Notes*. Paper presented at the annual meeting of the America educational Research Association, New York.

Peterson ( 1979), *Gender And Thought, : Psychological Perspective*, New York: Springer – Verlag.

Ragget( 1998), *Education For Third World Countries With Special Reference*. Prentice Hall

Ragget ( 1978), *A Qualitative Research Study: Cooperation In The Classroom*. Alexandria ,VA : Association For Supervision And Curriculum Development.

Rajagopal. M ( 1995), *Pendidikan Dan Wawasan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Robert J.Songgok ( 2000), "Motivasi Dalam Belajar", 10 Februari 2000.

Shahrom Nordin ( 1994), *Kaedah Pembelajaran Berkesan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1983). "Ilmu Pendidikan : Pedagogi" Kuala Lumpur:  
Heinemann Asia.

Sidek Ali (1997). "Lulusan Teknikal Dan Vokasional Semakin Penting". Dewan Siswa.  
Januari 2002.

Stewart ( 1981), *Circles Of Learning*, Educational Research, London.

Tamby Subahan Mohd. Merah (1983). "Masalah Kelemahan Murid-murid Dalam  
Menghadapi Pelajaran Sains Di Peringkat Menengah".Jurnal Kementerian  
Pendidikan Malaysia. Keluaran 69. 53 - 59.

The Star ( Mac, 1992), *Students Problem In Learning Style*, Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa Dan Pustaka, hlm. 7.

The Star ( June, 1998),*Students Achievement Effect Their Life*, Kuala Lumpur: Dewan  
Bahasa Dan Pustaka , hlm. 8.

Utusan Malaysia ( Feb, 2002), *Masalah Disiplin Pelajar Di Dalam Pembelajaran* ,  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 6.